



YAYASAN KEBAJIKAN NEGARA  
MALAYSIA

## SIARAN MEDIA

### **ANJUNG KASIH YKN: PENGINAPAN SELESA, SELAMAT DAN MENJAMIN KESEJAHTERAAN HIDUP KELUARGA MALAYSIA**

**BERA, 20 Ogos** – YAB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Perdana Menteri Malaysia telah mengadakan lawatan ke Anjung Kasih YKN Hospital Bera Pahang sempena Majlis Perasmian Hospital Bera Pahang. Lawatan ini diiringi bersama oleh YB Datuk Seri Rina Mohd Harun, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat merangkap Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Kebajikan Negara (YKN).

Anjung Kasih YKN merupakan rumah penginapan sementara untuk golongan yang memerlukan khususnya ahli keluarga yang kurang berkemampuan tetapi perlu mengiringi pesakit yang sedang mendapatkan rawatan di hospital kerajaan dengan berkonsepkan selesa, selamat dan berkualiti. Sehingga Julai 2022 seramai 82,278 waris pesakit telah mendapat manfaat daripada 18 buah Anjung Kasih YKN di seluruh negara termasuk Anjung Kasih Hospital Bera, Pahang yang akan mula beroperasi pada 20 Ogos 2022.

Selain daripada peruntukan kerajaan, usaha ini telah mendapat sokongan yang memberangsangkan daripada Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) serta syarikat-syarikat korporat lain. Sehingga kini, YKN telah berjaya mendapat tajaan berjumlah RM5.8 juta bagi penubuhan lima (5) buah Anjung Kasih YKN.

YKN sebagai yayasan yang menerima sumbangan daripada pelbagai pihak sentiasa membuka ruang dan mengalu-alukan kepada syarikat korporat, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) atau orang perseorangan untuk bekerjasama dengan YKN bagi memperluaskan perkhidmatan Anjung Kasih YKN di hospital-hospital kerajaan bagi memberi manfaat kepada masyarakat di seluruh negara. Setiap sumbangan wang tunai akan diberikan resit pengecualian cukai di bawah Subseksyen 44 (6) Akta Cukai Pendapatan 1967. Sumbangan boleh disalurkan melalui akaun bank atas nama **YAYASAN KEBAJIKAN NEGARA MALAYSIA** seperti berikut :

**ALLIANCE ISLAMIC BANK**

**160140010004801**

**MAYBANK ISLAMIC BANK BERHAD**

**568621012284**

Turut hadir pada majlis tersebut, YAB Dato' Sri Wan Rosdy Bin Wan Ismail, Menteri Besar Pahang, YB Khairy Jamaluddin, Menteri Kesihatan, YB Dato' Sri Norolazali Bin Sulaiman, Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Kesihatan Negeri Pahang, YBhg. Datuk Dr. Maziah Binti Che Yusoff, Ketua Setiausaha KPWKM dan YBhg. Datuk Harjeet Singh a/l Hardev Singh, Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia.

###

Disediakan oleh

Bahagian Dana dan Komunikasi Korporat

Yayasan Kebajikan Negara Malaysia,

Aras 8, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat,

No. 55, Persiaran Perdana, Presint 4, 62100 Putrajaya.

20 Ogos 2022

## **ANJUNG KASIH YKN**

1. Hospital Selayang, Selangor
2. Hospital Tengku Ampuan Afzan, Kuantan Pahang
3. Hospital Miri, Sarawak
4. Hospital Umum Kuching Sarawak
5. Hospital Tuanku Jaáfar Seremban Negeri Sembilan
6. Hospital Sultan Haji Ahmad Shah, Temerloh Pahang
7. Hospital Sibu Sarawak
8. Hospital Raja Permaisuri Bainun Ipoh Perak
9. Hospital Serdang Selangor
10. Hospital Pulau Pinang
11. Hospital Tuanku Fauziah Kangar Perlis
12. Hospital Sultanah Bahiyah Alor Setar Kedah
13. Hospital Melaka
14. Hospital Duchess of Kent Sandakan Sabah
15. Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru Johor
16. Hospital Seberang Jaya Pulau Pinang
17. Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu, Kelantan
18. Hospital Bera, Pahang